

29 APR 1998

TUANKU JA'AFAR UCAP TAHNIAH PADA PERMAISURI BEATRIX

KUALA LUMPUR, 29 April (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Najihah telah mengirim perutusan tahniah kepada Permaisuri Beatrix dari Belanda sempena dengan harijadinya yang ke-60.

Dalam mengucapkan semoga kesihatan baiknya berterusan, Yang di-Pertuan Agong juga berharap Belanda dan rakyatnya akan terus menikmati kemajuan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusannya yang sama kepada rakan sejawatnya dari Belanda Wim Kok berkata beliau yakin hubungan baik dan kerjasama erat antara Malaysia dan Belanda akan dapat dipertingkatkan lagi di tahun-tahun akan datang.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam perutusan sama kepada rakan sejawatnya H.A.F.M.O. van Mierlo berkata beliau gembira kerana kerjasama dua hala antara kedua-dua negara terus bertumbuh.

-- BERNAMA

ES WAT